

TRANSLATING MALAY LITERATURE

MENTERJEMAHKAN KESUSASTERAAN MELAYU

In this panel, learn about the benefits, challenges, and importance of translating Malay Literature! Is Malay literature only for Malay readers? Why would an author fear in losing his voice in translation and how does the translator balance this with his own style? Find out all this and more.

Melalui pleno ini, pelajari tentang manfaat, cabaran, dan kepentingan menterjemahkan Kesusasteraan Melayu! Apakah kesusasteraan Melayu terhad untuk pembaca Melayu? Mengapakah si penulis bimbang jika suara karyanya hilang dalam terjemahan dan bagaimanakah seorang penterjemah megimbangkan aspek ini dengan gaya tersendiri? Semua ini dan banyak lagi akan ditangani sepanjang sesi pleno.

Date: 7 September 2013 (Sat)

Time: 1:00pm-2:00pm

Venue: Discovery Room, (Basement) @ Asian Civilisation Museum

FREE ADMISSION! Register at: <http://aex2013malaypanel-eorg.eventbrite.sg/>

Mohamed Latiff Mohamed adalah salah seorang penulis Singapura yang amat prolific dan muncul selepas penulis generasi pertama Singapura. Mohamed Latiff telah memenangi pelbagai hadiah termasuk Hadiah Sastera Singapura pada 2004, 2006 dan 2008. Karya-karya beliau berkisar pada kehidupan dan cabaran yang dihadapi masyarakat Melayu selepas kemerdekaan Singapura, menyentuh makna kehidupan dan masalah-masalah dasar yang dihadapi kemanusiaan, selain menilai dengan kritis aspek-aspek sejarah kemanusiaan. Latiff merupakan naib presiden Angkatan Sasterawan '50.

Peter Augustine Goh adalah nama pena Iskandar Goh MeyTeck. Pesara polis ini kini seorang penterjemah/ jurubahasa dan pembimbing penulisan kreatif bebas. Genre penulisannya termasuklah cerpen, novel dewasa, novel kanak-kanak, sajak, drama TV dan radio serta ulasan sastera. Banyak hadiah sastera telah dimenangnya. Ada karyanya yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris, Mandarin dan Tamil. Dua buku terbaharu (kumpulan cerpen dan sajak) sedang dalam proses percetakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shaffiq Selamat, 44 tahun, juga dikenali dengan nama pena 'shasel' merupakan seorang penterjemah Melayu/Inggeris dengan pengalaman lebih 20 tahun. Menceburi bidang penulisan sejak 1992, penulis telah menghasilkan 2 buah novel terjemahan Inggeris serta beberapa terjemahan cerpen dan sajak yang telah dibukukan, antaranya untuk program Baca! Singapura dan Pesta Penulis Singapura.

Setelah memperoleh ijazah dari NUS pada 1989, tugas-tugas **Nur-El-Hudaa** di sebuah syarikat penerbitan, selanjutnya dalam bidang ehwal korporat di sebuah NGO, dan kemudian sebagai seorang penterjemah bebas, melibatkan penulisan dan penterjemahan pelbagai teks. Beliau juga telah mengikuti Kursus Penterjemahan Am anjuran Institut Terjemahan dan Buku Negara (Malaysia).

